

## **Kajian Perbezaan Jantina dan Faktor Berkaitan dengan Tingkahlaku Kewargaan Organisasi dalam Kalangan Sukarelawan Sukan Sea**

*(Gender Study and Factors Related The Organization's Citizenship Behavior (OCB) Among Sea Games Volunteers)*

Norhayati Ibrahim,  
Fatimah wati Halim,  
Noordeyana Tambi<sup>1</sup>,  
Aizan Sofia Amin  
Sariyah Abdullah

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

<sup>1</sup>Corresponding e-mail:[deyana@ukm.edu.my]

The aim of this study is to identify the psychological factors that affect the organization's citizenship behavior (OCB) among volunteers involved in the Kuala Lumpur 2017 Games held in Kuala Lumpur, Malaysia. This quantitative study used online survey methods in collaboration with the Ministry of Youth and Sports. A set of psychometric tests with 40 items encompassing three instruments namely Personality Surveying, Achievement Motivation Questionnaires and Effective Volunteer Behavioral Surveys Questionnaires were self-administered by the participants. The data were analysed using descriptive and correlation methods with the help of computer software, Statistical Package for the Social Science for Windows (SPSS for Windows). They are about 7786 respondents of this study and the majority of volunteers involved in the Kuala Lumpur 2017 Games were females aged 16 and 25 years old in Z generation and came from from the Central Malaysia region. Generally, there are differences between genders for the Organization's Citizenship Behavior (OCB) in which it is observed that females have higher OCB values ( $t=-2.60^*$ ). The findings also show that all personality factors, namely openness ( $t=1.27$ ), conscientiousness ( $t=-.164$ ), extraversion ( $t=3.37^{**}$ ), agreeableness ( $t=0.729$ ) and emotional stability ( $t=6.15^{**}$ ) have links with the OCB. Additionally, this study demonstrates that two personality factors: extraversion and anxiety vary by sex in which males are found to have extrovert personality and higher emotional stability than females. Interestingly, this study also proves that men and women choose the same personality factor that is conscientiousness as the most important factor influencing their desire to involve in the volunteer works. The implications of this study have highlighted the importance of high conscientiousness as an important element in making a selection screening for volunteer recruitment.

**Keywords:** gender, organization citizenship behaviour (OCB), volunteerisme, effectiveness, SEA games

Setiap penganjuran sesuatu acara yang besar dan berprestij seperti Sukan SEA memerlukan ramai tenaga kerja yang dapat membantu melancarkan setiap program atau aktiviti yang diadakan. Justeru itu

penglibatan dan khidmat sukarelawan amatlah diharapkan. Sukarelawan melibatkan sebarang aktiviti di mana masa diberikan secara bebas untuk memberi manfaat kepada orang lain, kumpulan atau

punca (Wilson, 2000) dan aktiviti yang dilakukan adalah bagi membantu orang lain tanpa menjangkakan atau mengharap balasan dan bebas sepenuhnya (Musick & Wilson, 2003). Isu yang penting dalam melahirkan sukarelawan yang berkesan adalah untuk memastikan komitmen yang berterusan dan tanggungjawab yang dipikul dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Oleh itu terdapat ciri-ciri tertentu yang amat penting dan perlu dititikberatkan dalam pemilihan setiap sukarelawan yang akan terlibat. Antara perkara yang perlu dilihat adalah dari segi Tingkahlaku kewargaan Organisasi (TKO) (*Organizational Citizenship behaviour (OCB)*), personaliti dan tahap motivasi para sukarelawan.

Tingkahlaku Kewargaan Organisasi (TKO) adalah satu penanda aras yang penting bagi memahami sejauhmana individu komitment atau menunjukkan komitment yang baik dalam pekerjaan yang dilakukan. Menurut Organ (1988) dan Podsakoff et al.(1990), TKO adalah istilah psikologi yang digunakan untuk menerangkan tingkah laku sukarela individu yang dilakukan dalam organisasi. Oleh itu, TKO adalah relevan digunakan untuk mengenalpasti tingkahlaku kesukarelaan. Di antara, ciri-ciri tingkahlaku sukarelawan yang dijelaskan adalah seperti seperti altruisme, kesantunan, setiakawan, kehematan dan kemurnian sivik. Pernyataan tersebut selaras dengan harapan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang berinovasi untuk memilih calon sukarelawan yang sanggup bangkit bersama untuk berbakti menyumbang kepada negara.

Justeru ciri-ciri yang dinyatakan oleh Organ (1988) dan Podsakoff et. al (1990) boleh diadaptasikan untuk mengukur tingkahlaku kesukarelawan berkesan bagi mengenalpasti sukarelawan sukan SEA ke 29. TKO yang tinggi amat diperlukan bagi memastikan kepuasan yang diperolehi oleh semua yang terlibat dalam program yang

berprestij ini. Ini adalah kerana individu yang mempunyai ciri TKO yang tinggi akan membantu organisasi memperoleh peningkatan dalam produktiviti, kecekapan dan kepuasan kepada pelanggan dan menurunkan kos, turnover dan ketidakhadiran (Podsakoff, Whiting, Podsakoff & Blume, 2009).

Persoalannya di sini, adakah TKO ini menunjukkan perbezaan antara sukarelawan lelaki dan perempuan dan sejauhmana faktor seperti personaliti dan motivasi para sukarelawan mempengaruhi TKO. Kenapa isu ini diketengahkan kerana terdapat perbezaan pendapat tentang perbezaan TKO mengikut jantina. Menurut Podsakoff et al (2000) tidak ada bukti yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan jantina dalam konteks TKO. Namun menurut Kidder dan McLean (2001), berdasarkan kepada teori *gender role* mencadangkan bahawa beberapa dimensi dalam TKO mungkin berbeza. Sesetengah faktor mungkin lelaki lebih berperanan manakala setengah faktor yang lain perempuan lebih berperanan. Misalnya lelaki dikatakan lebih agresif dan mempunyai daya saing yang tinggi (Schein dan Mueller 1992), dimana ia konsisten dengan ciri setiakawan dan kemurniaan sivik di dalam TKO (Ehrhart dan Godfrey 2003). Manakala, ciri altruisma dan kesantunan pula lebih kepada perempuan (Kidder and McLean Parks 2001).

Personaliti sering dikonseptualisasikan sebagai sejauh mana seseorang memaparkan ciri spesifik yang tinggi atau rendah. Ciri-ciri adalah pola pemikiran, perasaan, motif, dan tingkah laku yang konsisten yang dipamerkan oleh seseorang (Fleeson dan Gallagher, 2009). Secara umumnya personaliti seringkali dikaitkan dengan jantina di mana perempuan dikatakan lebih sensitif dan beremosi berbanding lelaki yang dianggap lebih stabil emosinya. Namun, ada kajian yang mendapati sebahagian personaliti tidak

berbeza antara kedua jantina ini dan ada juga yang berpendapat wujud perbezaan secara kuantitatif (Del Giudice et. al, 2012). Sebelum ini penyelidik seperti McCrae et al., (2005) dan Schmitt et al., (2008) telah mengkaji perbezaan jantina di kalangan pelbagai etnik, budaya, dan jenis masyarakat. Kajian sebegini amat perlu kerana sesetengah etnik budaya dan masyarakat mungkin mempunyai personaliti yang berbeza. Malah kajian terdahulu telah mencadangkan bahawa setengah faktor personaliti *Big Five* iaitu faktor kehematan dan kepersetujuan adalah peramal penting kepada TKO (Organ dan Lingl, 1995, Organ dan Ryan, 1995). Penemuan ini menunjukkan bahawa sesetengah faktor dalam pemilihan kakitangan bukan sahaja akan meningkatkan prestasi tugas (Barrick dan Mount, 1991), tetapi juga meningkatkan tahap TKO individu. Oleh itu, perlu dikenalpasti perbezaan personaliti dan jenis personaliti yang berkait dengan TKO bagi sukarelawan kerana ia akan memberi pengaruh kepada kejayaan sesuatu program atau agenda yang dilaksanakan oleh kerajaan atau penganjur.

Seterusnya, salah satu faktor yang dikaitkan dengan TKO ialah motivasi. Motivasi merujuk kepada prestasi atau niat individu untuk mencapai sesuatu (Manzoor, 2012). Malah motivasi adalah faktor yang sangat penting dalam memastikan seseorang individu berusaha bersungguh-sungguh dan konsisten dalam menjalankan tugas sebagai sukarelawan. Motivasi yang tinggi akan membuatkan individu yang bekerja akan menjadi lebih bertanggungjawab terhadap organisasinya dan sanggup membuat extra kerja tanpa merungut dan perasaan kepunyaan semasa bekerja dalam organisasi (Sohana dan Tanzin 2016). Banyak kajian yang melihat perbezaan motivasi mengikut jantina dan dapatannya adalah pelbagai. Contohnya menurut Hyde and Kling (2001) berdasarkan kajian oleh Bowden (1997), Eccles, Wigfield and Schiefele (1998), and

the U.S. Department of Education (2000) (as cited in Hyde & Kling, 2001) mendapati bahawa perempuan kurang yakin terhadap keupayaan diri berbanding lelaki. Seterusnya Hyde dan Kling menambah bahawa perempuan tidak dilahirkan dengan idea bahawa mereka tidak setaraf sama seperti lelaki, tetapi belajar perkara ini secara berterusan di sekolah dan masyarakat.

## Metod

Responden kajian ini terdiri daripada sukarelawan Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang berusia di antara 16 hingga 75 tahun dari seluruh Malaysia. Seramai 7786 orang responden telah menjawab soal selidik personaliti ini yang diadaptasi dari Achua dan Lussier (2013). Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan atas talian (online survey) yang dikendalikan oleh pihak SPA. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan korelasi dengan bantuan perisian komputer iaitu '*Statistical Package for the Social Science for Windows*' (*SPSS for Windows*). Kajian ini menggunakan satu set alat ujian psikometrik 40 item yang terdiri daripada tiga instrumen iaitu Soal Selidik Personaliti (P), Soal Selidik Motivasi Pencapaian (MP) dan Soal Selidik Tingkahlaku Sukarelawan Berkesan (TKO).

Keseluruhan populasi yang terlibat dalam kajian ini adalah merujuk kepada semua individu yang telah berdaftar dengan Kementerian Belia dan Sukan sebagai sukarelawan Temasya Kuala Lumpur 2017, iaitu sukarelawan dalam Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 yang berumur di antara 16 hingga 52 tahun daripada pelbagai negeri di Malaysia. Oleh itu, seramai 3137 responden telah terlibat dalam kajian kuantitatif ini. Kesemua responden dikehendaki menjawab ujian psikometrik 40 item atas talian (secara dalam talian) yang mengandungi tiga soal

selidik iaitu Soal Selidik Personaliti (P), Soal Selidik Motivasi Pencapaian (MP) dan Soal Selidik Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO).

Secara ringkasnya, prosedur pengumpulan data yang telah dijalankan secara atas talian dengan menggunakan satu set ujian psikometrik yang mengandungi 40 item (soalan). Medium atas talian untuk ujian psikometrik ini telah dibangunkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Setiap responden dikehendaki menjawab sendiri ujian psikometrik ini secara atas talian mengikut kesesuaian masa dan tempat di mana mereka berada dengan menggunakan telefon bimbit ataupun komputer peribadi. Setelah itu, hasil keputusan daripada responden dikeluarkan dalam bentuk data *Excel* diperolehi daripada SPA dengan kebenaran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebagai data para sukarelawan Temasya Kuala Lumpur 2017. Sebelum analisis yang terperinci dibuat, proses pembersihan data dilakukan untuk mengenal pasti sama ada data yang diperolehi mengandungi data yang hilang atau tidak lengkap. Secara keseluruhannya, data responden adalah seramai 3151 orang. Walau bagaimanapun, 14 orang responden telah dikeluarkan kerana maklumat yang diberikan tidak lengkap menjadikan jumlah keseluruhan data responden yang dianalisis dalam kajian ini adalah seramai 3137 orang sahaja. Data kemudiannya, dianalisis secara deskriptif dan korelasi menggunakan *SPSS for Windows* bagi mengenalpasti faktor-faktor psikologi yang mempengaruhi tingkahlaku sukarelawan berkesan.

### **Instrumen**

Terdapat tiga instrumen yang terlibat dalam kajian ini iaitu soal selidik personaliti, motivasi pencapaian dan tingkahlaku kewargaan organisasi.

#### *Personaliti*

Terdapat lima dimensi di dalam bahagian Personaliti iaitu Keterbukaan (O), Kehematan (C), Ekstraversi (E), Kepersetujuan (A) dan Neurotisme (N) dan akronimnya adalah OCEAN dan 20 item untuk mengukur bahagian Personaliti. Soalselidik ini menggunakan skala likert 1 hingga 10. Bagi setiap item skala 1, 2 dan 3 adalah "Tidak Seperti Saya", skala 4, 5, 6 dan 7 mewakili "Agak Seperti Saya" dan 8, 9, 10 mewakili "Seperti Saya". Markat yang tinggi menunjukkan kecenderungan menggambarkan diri responden mempunyai jenis tret personaliti tersebut. Reliabiliti alat ujian ini bagi kelima-lima faktor personaliti ialah di antara 0.68 hingga 0.829 iaitu faktor kehematan (.829), faktor neurotisme negatif (.774), kepersetujuan (.679) dan ekstraversi (.619).

#### *Motivasi Pencapaian (MP)*

Terdapat tiga dimensi di dalam bahagian Motivasi Pencapaian iaitu Motivasi Penyempurnaan (MA), Motivasi Status (MS) dan Motivasi Perhubungan (MP) dan mempunyai 10 item untuk mengukur Motivasi Pencapaian. Alat ujian ini telah diadaptasi daripada Alat Psikometrik Pemilihan Kakitangan Akademik (APPiKA) oleh Fatimah wati Halim dan rakan-rakan (2013). Kaedah pemarkatan bagi bahagian Motivasi Pencapaian dengan menggunakan skala likert 1 hingga 5. Bagi setiap skala Sangat Tidak Setuju (STS) mewakili markah 1, skala Tidak Setuju (TS) mewakili markah 2, skala Tidak Pasti (TP) mewakili markah 3, skala Setuju (S) mewakili markah 4 dan Skala Sangat Setuju (SS) mewakili markah 5. Reliabiliti bagi alat ujian bagi keseluruhan alat ujian ini ialah status (.680) diikuti, penyempurnaan (.680) dan tanggungjawab sosial (.716).

#### *Tingkah Laku Kewargaan Organisasi (TKO)*

Terdapat tiga dimensi di dalam bahagian Tingkah Laku Kewargaan Organisasi dalam konteks kajian ini iaitu Alturalisme, Ihsan dan Kehematan yang mengandungi

10 item. Alat pengukuran asal TKO oleh Organ (1988) dan Podsakoff et al.(1990) telah diadaptasi bagi menyesuaikan dengan pengukuran Tingkah laku sukarelawan berkesan dalam konteks kajian ini. Manakala, nilai alfa Cronbach bagi faktor alturalisme (.749) dan kesantunan (.716). Secara keseluruhan, nilai alfa Croanbach adalah baik kecuali faktor berhemah iaitu (.193) yang terpaksa dibuang untuk tujuan analisis model persamaan struktural (SEM). Kaedah pemarkatan bagi bahagian Tingkah Laku Kewargaan Organisasi dengan menggunakan skala likert 1 hingga 5. Bagi setiap skala Sangat Tidak Setuju (STS) mewakili markah 1, skala Tidak Setuju (TS) mewakili markah 2, skala Tidak Pasti (TP) mewakili markah 3, skala Setuju (S) mewakili markah 4 dan Skala Sangat Setuju (SS) mewakili markah 5.

### **Prosedur Kajian**

Data berbentuk excel diperolehi daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) merupakan data para sukarelawan yang akan menjadi Sukarelawan Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 nanti. Secara keseluruhan data responden adalah seramai 3197 orang responden. Seterusnya responden hanya tinggal 3183 orang setelah 14 orang responden dibuang disebabkan oleh maklumat yang diberikan tidak lengkap. Oleh kerana kajian ini hanya tertumpu kepada generasi Z iaitu golongan umur yang berumur 1 hingga 25 tahun, seramai 926 orang responden dibuang dan hanya responden yang berumur dalam lingkungan 16 hingga 25 tahun sahaja dipilih menjadi responden kajian iaitu seramai 2257 orang responden. Data yang mengandungi responden daripada golongan generasi Z dianalisis menggunakan SPSS.

### **Keputusan**

Analisis deskriptif data kajian menunjukkan terdapat seramai 2257 orang responden yang terdiri daripada generasi Z

yang mana remaja yang berumur 16 tahun sehingga 25 tahun telah terlibat memberikan maklum balas dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 776 orang responden lelaki atau 34.4 % manakala selebihnya iaitu seramai 1481 orang atau 65.6 % adalah responden perempuan.

Umur responden dikategorikan kepada tiga kumpulan remaja iaitu remaja awal (16 hingga 18 tahun), remaja pertengahan (19 hingga 22 tahun) dan remaja akhir (23 hingga 24 tahun) (Mohammad Salleh Lebar, 1995). Definisi kategori remaja menurut Mohammad Salleh Lebar, 1995 adalah responden yang berumur 16 tahun sehingga 25 tahun yang juga dikenali sebagai generasi Z. Keputusan menunjukkan seramai 1600 orang responden bersamaan 70.9 % yang terdiri daripada golongan remaja pertengahan. Manakala seramai 478 atau 21.2 % orang responden terdiri daripada golongan remaja akhir dan hanya 179 atau 7.9 % orang responden yang terdiri daripada remaja awal.

Dari segi zon negeri pula yang mana dikategorikan kepada 5 iaitu Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang) Utara (Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak), Selatan (Johor, Negeri Sembilan dan Melaka), Malaysia Tengah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Selangor) dan Malaysia Timur (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). Sebanyak 1302 atau 57.7 % orang responden yang terdiri daripada negeri Malaysia tengah, seterusnya seramai 365 atau 16.2 % adalah responden daripada negeri-negeri utara. Manakala responden dari negeri-negeri selatan adalah seramai 326 bersamaan 14.4 % orang reponden dan seramai 209 atau 9.3 % terdiri daripada negeri-negeri pantai timur. Hanya seramai 55 bersamaan 2.4 % peratus orang responden sahaja yang mewakili negeri-negeri Malaysia Timur.

Jadual 1  
Latar Belakang Responden Kajian

Profil		Bilangan (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	776	34.4
	Perempuan	1481	65.6
Kategori Remaja (Umur)	Awal (16-18 tahun)	179	7.9
	Pertengahan (19-22 tahun)	1600	70.9
	Akhir (23-25 tahun)	478	21.2
Zon Negeri		209	9.3
	Pantai Timur	365	16.2
	Utara	326	14.4
	Selatan	1302	57.7
	Tengah	55	2.4
	Malaysia Timur		

Jadual 2 menunjukkan perbezaan faktor personaliti (OCEAN), Tingkah Laku Kewargaan (TKO), Motivasi Pencapaian, Motivasi Penyempurnaan (MA), Motivasi Status (MS) dan Motivasi Perhubungan (MP) antara jantina dalam kalangan sukarelawan bagi generasi Z. Dapatan menunjukkan bahawa TKO berbeza mengikut jantina di mana lelaki mempunyai nilai TKO yang lebih tinggi berbanding perempuan ( $t=-2.60^*$ ). Keputusan kajian menunjukkan bahawa

hanya personaliti bagi faktor ekstrovert dan kebimbangan yang berbeza antara lelaki dan perempuan. Berdasarkan kepada min sukarelawan lelaki mempunyai ciri ekstrovert dan kestabilan emosi yang lebih tinggi berbanding perempuan. Seterusnya keputusan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan bagi kesemua faktor motivasi pencapaian dan personaliti bagi faktor keterbukaan, kehematan dan kepersetujuan.

Jadual 2  
Perbezaan TKO, personaliti dan motivasi mengikut jantina

Dimensi psikologi	Jantina	Jumlah responden (n)	Min	Sisihan piawai (sd)	T
<b>Tingkah Laku Kewargaan Organisasi (TKO)</b>	Lelaki	776	39.68	3.16	-2.60*
	Perempuan	1481	40.04	2.99	
<b>Personaliti OO</b>	Lelaki	776	29.99	5.38	1.27
	Perempuan	1481	29.70	5.31	
<b>CC</b>	Lelaki	776	33.40	4.35	-0.164

Dimensi psikologi	Jantina	Jumlah responden (n)	Min	Sisihan piawai (sd)	T
	Perempuan	1481	33.43	4.42	
EE	Lelaki	776	29.05	5.35	3.37**
	Perempuan	1481	28.25	5.44	
AA	Lelaki	776	33.39	4.57	.729
	Perempuan	1481	33.25	4.43	
NN(-)	Lelaki	776	31.70	4.80	6.15**
	Perempuan	1481	30.36	5.12	
<b>Motivasi Pencapaian</b>	Lelaki	776	55.40	5.28	-.363
	Perempuan	1481	55.48	5.25	
Motivasi Penyempurnaan (MA)	Lelaki	776	17.63	1.95	-1.59
	Perempuan	1481	17.76	1.82	
Motivasi Status (MS)	Lelaki	776	13.35	1.67	.689
	Perempuan	1481	13.30	1.61	
Motivasi Perhubungan (MP)	Lelaki	776	24.42	3.64	-.020
	Perempuan	1481	24.42	3.70	

Analisis ujian pearson bagi Jadual 3 menunjukkan bahawa kesemua faktor personaliti (OCEAN) iaitu keterbukaan, kehematan, ekstrovert, kepersetujuan dan kestabilan emosi mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tingkahlaku kewargaan bagi sukarelawan lelaki dan perempuan. Ini menunjukkan semakin tinggi ciri keterbukaan, kehematan, ekstrovert, kepersetujuan dan kestabilan emosi semakin tinggi Tingkah Laku Kewargaan (TKO). Seterusnya, tiga faktor Motivasi pencapaian yang terdiri daripada

Motivasi Penyempurnaan (MA), Motivasi Status (MS) dan Motivasi Perhubungan (MP) berhubungan secara positif dengan TKO bagi lelaki dan perempuan. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi motivasi pencapaian semakin tinggi TKO bagi sukarelawan lelaki dan perempuan.

Jadual 3

*Hubungan antara personaliti dan motivasi dengan TKO bagi sukarelawan lelaki dan perempuan*

<b>Tingkah Laku Kewargaan Organisasi (TKO)</b>					
Lelaki			Perempuan		
N	Min	Nilai r	N	Min	Nilai r

<b>Tingkah Laku Kewargaan Organisasi (TKO)</b>						
	Lelaki			Perempuan		
	N	Min	Nilai r	N	Min	Nilai r
Personaliti	776	31.66		1481	31.66	
OO (Keterbukaan)		30.33	.435**		30.33	.418**
CC (Kehematan)		33.90	.503**		33.90	.477**
EE (Ekstraversi)		28.93	.429**		28.93	.362**
AA (Kepersetujuan)		33.70	.464**		33.70	.423**
NN (-) (Neurotisme negatif)		31.44	.466**		31.44	.418**
Motivasi Pencapaian		18.60	.577**		18.60	.550**
MA (Motivasi Penyempurnaan)		17.77	.570**		17.77	.549**
MS (Motivasi Status)						
MP (Motivasi Perhubungan)		13.19	.256**		13.19	.244**
		24.83	.414**		24.83	.405**

k<0.01

Analisis regresi dalam Jadual 4 bertujuan untuk menjawab pengujian pengaruh faktor psikologi (personaliti dan motivasi pencapaian) terhadap tingkah laku sukarelawan (Tingkah Laku Kewargaan Organisasi). Keputusan analisis regresi metod *enter* menunjukkan bahawa hanya 3 daripada 8 dimensi yang menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap Tingkah Laku Kewargaan (TKO) bagi responden lelaki iaitu faktor kehematan dan ekstraversi bagi personaliti. Manakala bagi pembolehubah motivasi pencapaian

hanya domain motivasi penyempurnaan menjadi peramal kepada TKO. Kesemua faktor tersebut menyumbang sebanyak 45.7 peratus varian terhadap TKO. Keputusan kajian responden perempuan menunjukkan bahawa faktor kehematan bagi personaliti dan faktor motivasi penyempurnaan bagi pembolehubah motivasi pencapaian adalah peramal terbaik kepada TKO dengan sumbangan sebanyak 40 peratus.

Jadual 4

*Keputusan Analisis Regresi faktor psikologi (personaliti dan motivasi pencapaian) Terhadap Tingkah Laku Kewargaan (TKO)*

Pembolehubah	LELAKI			PEREMPUAN		
	B	B	t	B	β	t
Pemalar	18.03			19.59		
Keterbukaan (OO)	.046	.078	1.83	.036	.065	1.95
Kehematan (CC)	.107	.148	3.12*	.127	.189	5.37*
Ekstraversi (EE)	.080	.135	3.20*	.003	.006	.178

Kepersetujuan (AA)	.058	.084	2.20	.041	.061	2.13
Neurotisme (NN)	.066	.100	2.42	.036	.062	1.87
Motivasi Penyempurnaan (MA)	.668	.414	12.86*	.653	.398	16.52*
Motivasi Status (MS)	.022	.012	.394	.062	.034	1.53
Motivasi Perhubungan (MP)	-.070	-.081	-1.63	.005	.007	.182
R <sup>2</sup> = .457			R <sup>2</sup> = .400			
[F (8, 775) = 80.80, k <.05]			[F (8, 1480) = 122.80, k <.05]			

### Perbincangan

Secara keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan bagi jantina lelaki dan perempuan dalam TKO di mana perempuan mempunyai nilai TKO yang lebih tinggi. Rasionalnya, kajian ini membuktikan perbezaan personaliti jantina lelaki dan wanita yang terlibat khusus sebagai sukarelawan dengan TKO. Terdapat banyak kajian lampau yang melihat bahwa sesetengah faktor TKO berbeza tinggi bagi sesetengah jantina. Contohnya menurut kajian oleh Anu Priya Punia and Radhey Shyam (2017) lelaki mempunyai tahap TKO yang tinggi berbanding lelaki. Namun begitu menurut Kidder dan McLean (2001), beberapa dimensi dalam TKO mungkin berbeza. Sesetengah faktor mungkin lelaki lebih berperanan manakala sesetengah faktor yang lain perempuan lebih berperanan. Menurutnya lagi ciri altruism dan kesantunan lebih kepada perempuan (Kidder and McLean Parks 2001). Memandangkan kajian ini tidak melihat TKO secara faktor berasingan, namun dimensi altruism masih kekal dalam pengukuran tersebut, maka secara keseluruhan ia menyokong dapatan Kidder and McLean Parks (2001) yang menyatakan altruism lebih tinggi dalam kalangan perempuan. Sikap altruism yang tinggi sebagai sukarelawan adalah penting bagi memastikan sukarelawan dapat berkerja tanpa perlu diarah dan mampu melaksanakan tugas dengan pengawasan yang sangat minima.

Selain itu, kajian ini membuktikan dua faktor personaliti iaitu ekroversi dan

kebimbangan berbeza mengikut jantina di mana lelaki didapati mempunyai personaliti ekroversi dan kestabilan emosi yang lebih tinggi berbanding perempuan. Dalam kajian ini nilai min yang tinggi menggambarkan ketidakstabilan emosi yang lebih tinggi. Justeru itu dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perempuan mempunyai kestabilan emosi yang rendah berbanding lelaki dan mempunyai faktor ekroversi yang lebih tinggi. Ini menyokong kebanyakan kajian lalu di mana menurut Lynn dan Martin (1997), berdasarkan kajiannya ke atas 37 negara membuktikan bahawa perempuan mempunyai min ketidakstabilan emosi yang tinggi, namun lelaki di 30 buah negara menunjukkan faktor ekroversi yang lebih tinggi berbanding perempuan. Kajian oleh Costa, (2001) juga menunjukkan bahawa perempuan mempunyai ketidaksabilan emosi yang lebih tinggi berbanding lelaki. Manakala dalam sesetengah kajian mendapati perempuan mempunyai faktor ekroversi yang lebih tinggi (Costa Terracciono., McCrae, 2001). Keberbezaan dapatan sesuatu kajian amat bergantung kepada faktor budaya sesebuah negara. Misalnya tidak hairanlah jika faktor extoversi lebih tinggi bagi lelaki bagi kajian ini, memandangkan dalam budaya Melayu anak lelaki lebih bebas untuk bergaul berbanding dengan perempuan manakala anak perempuan pula lebih kepada menjaga tatasusila, lebih sopan, malu dan tidak terlalu bebas.

Dalam kajian ini menunjukkan bahawa kesemua faktor personaliti iaitu keterbukaan, kehematan, ekroversi,

kepersetujuan dan kestabilan emosi mempunyai hubungan dengan TKO. Dapatan ini menyokong kajian oleh Kumar et al. (2009) yang menggunakan teori personaliti Big Five sebagai landasan kajiannya dan mendapati bahawa sifat keterbukan, kehematan, ektroversi, kepersetujuan berkorelasi dengan TKO, namun faktor kestabilan emosi tidak berhubungan dengan TKO. Dapatan ini membuktikan bahawa sesetengah personaliti boleh meramalkan tingkah laku individu. Walaupun dalam kajian ini, kesemua faktor personaliti mempunyai hubungan dengan TKO dalam kalangan sukarelawan lelaki dan perempuan namun hanya personaliti bagi faktor kehematan dan ektroversi sahaja yang menjadi peramal kepada TKO. Individu yang mempunyai personaliti ekstrovert yang tinggi berkecenderungan bersikap sosial, tegas, aktif, berani, bertenaga, mengembara, dan ekspresif (Goldberg, 1992). Sebaliknya, individu yang rendah dalam ektroversi adalah malu-malu, tunduk, senyap, dan dihalang. Malah menurut Barrick, et al. (2005), personaliti extraversion sebagai penentu utama perilaku sosial. Ini bertepatan dengan dapatan ini juga yang mendapati personaliti ektroversi adalah antara peramal terbaik kepada TKO terutamanya bagi sukarelawan lelaki. Dalam konteks sukarelawan pula boleh dikatakan bahawa ciri ciri amat perlu kerana seseorang yang mempunyai ciri-ciri ektroversi amat sesuai untuk terlibat dalam aktiviti sukarelawan. Mereka mestilah berani dan bertenaga dan ekspresif dan senang bergaul semasa memberi bantuan kepada individu yang memerlukan.

Begitu juga dengan personaliti kehematan di mana ia berhubungan secara langsung dan juga menjadi peramal kepada TKO bagi lelaki dan perempuan. Individu yang mempunyai personaliti kehematan yang tinggi biasanya individu yang teliti, boleh dipercayai, cekap, dan rajin. Mereka cenderung mengambil inisiatif dalam

menyelesaikan masalah dan lebih teratur dan teliti dalam kerja mereka (Witt et al., 2002). Individu yang teliti boleh melakukan sebahagian daripada tugas mereka dengan minimum pengawasan (Morgeson et al., 2005). Kajian ini menyokong dapatan kajian Organ dan Lingl (1995) mengkaji kaitan kepersetujuan dan kehematan dengan kepuasan kerja dan tingkah laku kewarganegaraan. Keputusan mereka menunjukkan bahawa walaupun kepersetujuan dan kepatutan adalah peramal penting dalam kepuasan kerja namun hanya kehematan yang menjadi peramal dengan TKO.

Sehubungan itu satu dapatan yang menarik daripada kajian ini membuktikan bahawa faktor personaliti kehematan merupakan faktor yang paling perlu ada dalam diri individu khususnya dalam kalangan belia atau remaja untuk mendorong mereka menjadi sukarelawan. Kajian ini juga membuktikan bahawa lelaki dan wanita memilih faktor personaliti yang sama iaitu kehematan adalah faktor yang paling utama mempengaruhi semangat untuk membantu kerja-kerja sukarelawan. Oleh itu dapatan kajian ini berjaya memberikan panduan kepada organisasi yang terlibat dalam aktiviti sukarelawan untuk mengenalpasti individu khususnya belia yang memiliki ciri-ciri kehematan yang tinggi untuk dipilih sebagai sukarelawan. Antara ciri-ciri kehematan yang signifikan dalam kajian ini seperti memiliki integriti, jujur, beretika dan amanah, boleh dipercayai iaitu boleh bekerja dibawah bimbingan dan kawalan yang sangat minimum daripada orang lain.

Seterusnya dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesemua faktor motivasi pencapaian yang melibatkan faktor motivasi penyempurnaan (MA), motivasi status (MS) dan motivasi berhubungan secara positif dengan OCM bagi sukarelawan lelaki mahupun perempuan. Namun begitu hanya faktor

motivasi penyempurnaan sahaja yang dinyatakan oleh belia samada lelaki atau wanita paling signifikan meyumbang kepada TKO. Sebaliknya dimensi status dan tanggungjawab sosial adalah tidak mempengaruhi motivasi sukarelawan berkesan. Keadaan ini terjadi adalah kerana ciri-ciri penyempurnaan seperti orientasi tanggungjawab sosial seperti timbalbalik positif, interaksi sosial, nilai kemasyarakatan, dan membantu komuniti menjadi motivasi intrinsik yang telah sebatu dalam diri mereka akan mempengaruhi tingkah laku sukarelawan berkesan (TKO) mereka seperti Altruisma, kehematan (TKO) dan ihsan.

Dapatan ini menguatkan lagi pandangan yang menyatakan bahawa TKO sebagai tingkah laku berdasarkan motivasi, yang bermaksud TKO berkembang kerana motivasi (Ariani, 2012; Davila & Finkelstein, 2013). Ini menunjukkan bahawa seseorang yang mempunyai

motivasi pencapaian yang tinggi sudah semestinya mempunyai ciri-ciri TKO yang tinggi iaitu tindakan sukarela yang dilakukan oleh mereka terhadap orang lain tanpa mengharapkan apa-apa balasan tetapi lebih kepada rasa seronok dan kepuasan, serta sanggup bertoleransi terhadap apa jua keadaan kerja tanpa merungut. Bagi individu yang tidak mempunyai motivasi, sudah semestinya tidak mampu bertindak seperti ini memandangkan aktiviti sukarelawan yang mereka sertai tidak mendapat apa-apa bayaran. Walaupun sukarelawan ini tidak mendapat imbuhan secara material namun terdapat kajian menunjukkan bahawa melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan telah dapat meningkatkan kesejahteraan psikologi subjektif (Piliavin dan Siegl, 2007) serta dapat membantu dalam meningkatkan harga diri dan keyakinan diri serta dapat meningkatkan kepuasan hidup keseluruhan sukarelawan (Harlow and Cantor, 1996).

### Rujukan

- Ariani, Dorothea W. (2012). Comparing motives of organizational citizenship behavior between academic staffs universities and teller staffs banks in Indonesia. *International Journal of Business and Management, Vol.7, No.1*
- Barrick, M. and Mount, M. (1991). The Big Five personality dimensions and job performance: a meta-analysis. *Personnel Psychology, Vol. 44*, pp. 1-26.
- Barrick, M. R., Parks, L. & Mount, M. K. (2005). Self-Monitoring as a moderator of the relationship between personality traits and performance. *Personnel Psychology, vol. 58*, no3, pp. 745-767.
- Costa P.T.J., Terracciano A. & McCrae R.R. (2001). Gender differences in personality traits across cultures: robust and surprising findings. *Journal of Personality and Social Psychology 81*, pp322–331
- Davila, M. Celeste, & Finkelstein, Marcia A. (2013). Organizational Citizenship behavior and well being: preliminary results. *International Journal of Applied Psychology, 3(3)*, 45-5
- Del Giudice, M., Booth, T., and Irwing, P. (2012). The distance between Mars and Venus: Measuring global sex differences in personality. *PLoS ONE 7(1)*: e29265.
- Ehrhart, M. G., & Godfrey, E. (2003). *Schemas for organizational*

- citizenship behavior in gender-stereotyped jobs*. Poster presented at the 18th Annual Conference for the Society of Industrial and Organizational Psychology, Orlando, FL.
- Fleeson W., Gallagher P. (2009). The implications of Big Five standing for the distribution of trait manifestation in behavior: fifteen experience-sampling studies and a meta-analysis. *Journal of Personality and Social Psychology*. 97, 1097–1114.10.1037/a0016786.
- Goldberg, L. R. (1992) The development of markers for the Big Five factor structure. *Psychological Assessment*, vol. 4, pp. 26-42.
- Harlow, R. and Cantor, N. (1996). Still participating after all these years: a study of life task participation in later life. *Journal of Personality and Social Psychology*, Vol. 71, No. 6, pp. 1235-1249.
- Hyde, J. S., & Kling, K. C. (2001). Women, motivation, and achievement. *Psychology of Women Quarterly*, 25, 364-378.
- Kidder, D. L., & McLean Parks, J. (2001). The good soldier: Who is (s)he? *Journal of Organizational Behavior*, 22, 939-959
- Kumar, K., Bakhshi, A., & Rani, E. (2009). Organizational Justice Perceptions as Predictor of Job Satisfaction and Organizational Commitment. *IUP Journal of Management Research* 8, 24-37.
- Lynn, R. & Martin, T. (1997). Gender Differences in Extraversion, Neuroticism, and Psychoticism in 37 Nations. *The Journal of Social Psychology* Vol. 137 , Iss. 3,
- Manzoor, Q. (2012). Impact of Employees Motivation on Organizational Effectiveness. *European Journal of Business and Management*, vol. 3, no. 3, pp. 36-44
- McCrae R. R., Costa P. T., Jr. (1989). The structure of interpersonal traits: Wiggins's circumplex and the five-factor model. *Journal of Personality and Social Psychology*. 56, 586–595.10.1037/0022-3514.56.4.586
- Morgeson, F. P., Reider, M. H., & Campion, M. A. (2005). Selecting individuals in team settings: The importance of social skills, personality characteristics, and teamwork knowledge. *Personnel Psychology*, vol. 58, no. 3, pp. 583-611.
- Musick, M. & Wilson, J. (2003). Volunteering and depression: The role of psychological and social resources in different age groups. *Social Science and Medicine* 56(2): 259-269.
- Organ, D. & Ryan, K. (1995). A meta-analytic review of attitudinal and dispositional predictors of organizational citizenship behavior. *Personal Psychology* 48, 775–802.
- Organ, D.W. and Lingl, A. (1995), Personality, satisfaction, and organizational citizenship behavior. *Journal of Social Psychology*, Vol. 135, pp. 339-50
- Piliavin, J.A. and Siegl, E. (2007). Health benefits of volunteering in the Wisconsin longitudinal study. *Journal of Health and Social*

*Behaviour*, Vol. 48 No. 4, pp. 450-464.

*And Business Research*, Vol 16 Issue 7, 43-49

- Podsakoff, N. P., Blume, B. D., Whiting, S. W., & Podsakoff, P. M. (2009). Individual- and organizational-level consequences of organizational citizenship behaviors: A meta analysis. *Journal of Applied Psychology*, 94(1), 122-141.
- Podsakoff, P. M., Mackenzie, S. B., Moorman, R. H., & Fetter, R. (1990). Transformational leader behaviors and their effects on followers' trust in leader, satisfaction, and organizational citizenship behaviors. *The Leadership Quarterly*, 1(2), 107-142.
- Podsakoff, P. M., MacKenzie, S. B., Paine, J. B., & Bachrach, D. G. (2000). Organizational citizenship behaviors: A critical review of the theoretical and empirical literature and suggestions for future research. *Journal of Management*, 26, 513-563.
- Schein, V., & Mueller, R. (1992). Sex role stereotyping and requisite management characteristics: A cross cultural look. *Journal of Organizational Behavior*, 13, 439-447.
- Schmitt D. P., Realo A., Voracek M., Allik J. (2008). Why can't a man be more like a woman? Sex differences in Big Five personality traits across 55 cultures. *Journal of Personality and Social Psychology*. 94, 168–182. doi:10.1037/0022-3514.94.1.168
- Sohana Wadud Ahmed & Tanzin Khan. (2016). Does Motivation Lead to Organizational Citizenship Behavior? – A Theoretical Review . *Global Journal of Management*
- van Vianen, A. E. M., & Fischer, A. H. (2002). Illuminating the glass ceiling: The role of organizational culture preferences. *Journal of Occupational & Organizational Psychology*, 75(3), 315-337.
- Wilson, J. (2000). Volunteering. *Annual Review of Sociology* 26: 215-240.
- Witt, L. A., Burke, L. A., Barrick, M. R. & Mount, M. K. (2002). The interactive effects of conscientiousness and agreeableness on job performance. *Journal of Applied Psychology*, vol. 87, pp. 164-169.